

## Loghat Kelantan Pemangkin Jati Diri Rakyat Kelantan: Kelestarian dan Pemeraksaannya

Nur Azuki Yusuff

*nurazuki@umk.edu.my*

*Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah  
Universiti Malaysia Kelantan*

Khuzaiton Zakaria

*khuzaiton@umk.edu.my*

*Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah  
Universiti Malaysia Kelantan*

### ABSTRAK

Agenda pemeraksaan jati diri rakyat Kelantan berkait langsung dengan usaha melestarikan loghat Kelantan. Kertas ini menelusuri dua isu, iaitu status kelestarian loghat Kelantan; penggunaan dialek Kelantan dari aspek sebutan, pembentukan kata, ayat dan leksikal oleh penutur bukan Melayu, kesantunan berbahasa dalam dialek Kelantan dan seterusnya isu pemeraksaannya bagi agenda melonjakkan loghat Kelantan. Kandungan perbincangan didasarkan kepada beberapa kajian yang pernah dijalankan. Dialek unik ini dituturkan sama oleh penutur pelbagai etnik di Kelantan, dengan sebutan, perkataan dan pelbagai maksud yang berbeza dengan bahasa Melayu standard. Isunya, keunikan loghat Kelantan era kini hanya dilihat sebagai warisan yang perlu dipelihara dan pulihara sahaja. Faktor kemerosotan dan cadangan memartabatkan jati diri berpaksikan *loghat klate* perlu menjadi agenda semua warga Kelantan.

**Kata Kunci:** Loghat Kelantan; unik; jati diri; kelestarian; pemeraksaan

## Kelantanese Dialect as the Self Catalyst of the Kelantan People: Sustainability and Empowerment

### ABSTRACT

The agenda of empowering the Kelantanese people is directly related to the conservation of the Kelantanese dialect sustainability. This paper examines two issues: firstly, the status of Kelantanese dialect sustainability practically with regard to the use of Kelantanese dialect in terms of pronunciation, the formation of words, sentences and lexical by non-Malay speakers and language politeness in the Kelantanese dialect. Next, the issue of empowerment in the aggression agenda of the Kelantanese dialect is discussed. The content of the discussion is based on several studies that have been conducted. This unique dialect is spoken equally by multi-ethnic speakers in Kelantan, with different terms, words and meanings as compared to the standard Malay language. The issue is the uniqueness of the Kelantanese dialect is now only seen as a heritage that needs to be preserved and maintained. The decline and reserve factor of self-esteem to use the Kelantanese dialect should be the agenda of all Kelantanese.

**Keywords:** Kelantanese dialect; unique; identity; sustainability; empowerment

## **PENGENALAN KEPADA LOGHAT KELANTAN**

Loghat Kelantan amnya merujuk kepada kata sinonimnya dialek Kelantan iaitu bahasa daerah atau tempatan. Loghat berbeza daripada bahasa standard dari segi sebutan, tatabahasa dan penggunaan kata-kata tertentu. Ia merupakan bentuk bahasa yang dituturkan dalam sesebuah komuniti atau sesuatu kelas sosial yang dipengaruhi oleh cara hidup dan budaya orang yang tinggal di satu kawasan atau daerah atau kampung. Loghat Kelantan dituturkan oleh penutur-penutur yang berasal dari negeri Kelantan dan mereka yang menduduki negeri Kelantan serta sekitarnya, seperti penduduk yang mendiami daerah di Sempadan Kelantan/Terengganu, Kelantan/Pahang dan juga beberapa daerah dalam wilayah Thailand Selatan seperti Sungai Golok, Narathiwat, Yala dan Patani. Selain masyarakat Melayu, masyarakat Cina, India, Pathan dan selainnya yang tinggal di Kelantan juga tidak ketinggalan menggunakan dialek Kelantan sebagai bahasa pertuturan seharian mereka sama ada dalam urusan perniagaan atau urusan rasmi. Kedudukan daerah di bahagian Kelantan turut mempengaruhi penggunaan dialek Kelantan dalam kalangan penuturnya dari segi intonasi dan pemilihan kata-kata dalam satu-satu situasi yang agak berbeza dari daerah yang terletak di bahagian hilir Kelantan seperti di Kota Bharu.

## **KEPENTINGAN LOGHAT SEBAGAI JATI DIRI**

Jati diri ialah sifat atau ciri yang unik dan istimewa dari segi adat, bahasa, budaya, agama dan sebagainya yang menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu, suatu bangsa dan sebagainya. Identiti sinonim dengan sejati, asli, murni, tulen, yang sebenarnya, betul, bukan peranakan, totok dan kudrati.

Kepelbagaian loghat dalam bahasa Melayu merupakan khazanah warisan negara yang menjadi cerminan tamadun bangsa. Ramai cendekiawan yang melihat secara khusus berkaitan disiplin ilmu loghat ini.

Antaranya ialah Collins (1989), beliau menyatakan bahawa perbezaan dialek tidaklah begitu besar untuk dianggap sebagai bahasa yang lain. Terdapat pelbagai dialek Melayu yang dipertuturkan di Malaysia. Kepelbagaian dialek meluas dengan pengaruh media dan filem yang meraikan kepelbagaian loghat, terutamanya perbezaan dari segi fonetik. Katanya, dialek Melayu Langkawi tidak sama dengan dialek Kedah. Semasa melakukan pemetaan terhadap dialek orang ulu Terengganu, beliau menyimpulkan bahawa terdapat perbezaan antara orang pantai dengan orang yang tinggal di hulu, begitu juga kepelbagaian dialek yang wujud di Indonesia. Beliau menyeru pengkaji agar terus mengkaji dialek tradisi yang pelbagai itu supaya dapat dipelihara bagi kebajikan generasi hadapan (Collin, 1995).

Asmah Omar (1993 & 1992) menegaskan bahawa dialek berperanan dalam proses modenisasi bahasa. Dialek akan kekal dalam era moden dan ia tertakluk kepada penutur secara individu walaupun dalam bahasa yang diciptakan secara artifisial. Satu perkataan boleh membawa makna yang berbeza bagi setiap negeri dan situasi. Berkaitan pandangan linguisitik di Malaysia, kepelbagaian bahasa bukan sahaja kerana daerah dan kawasan yang berbeza tetapi juga kerana faktor lain seperti penghijrahan, agama, pencarian, empirisme dan polisi kerajaan.

Awang Sariyan (2007) apabila menyentuh tentang kesantunan bahasa berpendapat, kesantunan berbahasa berkait rapat dengan adat dan budaya. Apabila Orang Melayu amat bersantun dalam bercakap, ia mencerminkan adat dan budayanya yang kaya dengan budi dan bahasa serta kepatuhan kepada sistem bahasa dan sosial. Ia juga boleh dikaitkan dengan kesantunan penutur dialek yang mempunyai kaitan dengan daerah yang didiami serta budayanya. Ini membawa maksud jika kasar budaya sesuatu kawasan maka kasar juga cara pertuturannya.

Merujuk kepada jati diri penutur loghat berbahasa, penulis cuba membawa kepada kegemilangan bahasa Melayu sebagai tatapan pedoman. Bahasa Melayu pernah menjadi bahasa *Lingua Franca* pada era kegemilangan kerajaan Melayu Melaka. Pada zaman kesultanan Melayu, pedagang-pedagang luar telah mencatatkan penggunaan bahasa Melayu, contohnya Brau De Saint Pol Lias, pelayar Perancis (1883) menyatakan kaum Cina menggunakan bahasa Melayu dalam berkomunikasi sesama mereka di Tanah Melayu apabila wujud kerumitan mereka untuk berkomunikasi sesama sendiri disebabkan kepelbagaian loghat mereka sendiri (Hokkien, Hakka, kantonis dll.) yang kurang difahami (Stephane Doyert, 2013:62) Semasa perjuangan menuntut Kemerdekaan, golongan konservatif mahupun radikal membawa agenda memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dan bahasa rasmi. (Ramlah Adam, 2009:258) Bahkan ianya amat berkait rapat dengan status quo Melayu. Agenda ini dinyatakan dalam Perlembagaan Rakyat yang dilakarkan oleh Ahmad Boestamam dan rakan-rakannya (Ishak Saat, 2010:75)



RAJAH 1: Ilustrasi jati diri Kelantan

Berdasarkan sejarah tadi, begitulah juga loghat Kelantan. Identiti penduduk sepanjang utara pantai Timur semenanjung Malaysia memang menggunakan loghat Kelantan sejak zaman berzaman. Patutlah ditegaskan Loghat Kelantan adalah pemangkin jati diri rakyat Kelantan. Rakyat Kelantan yang sudah tiada nilai bertutur loghat Kelantan, maka status kerakyatan mereka boleh dipertikaikan dan dipersoalkan. Manakala warga luar Kelantan yang selesa bertutur loghat Kelantan serta berbudaya Kelantan sedia dikatakan adalah 'orang' Kelantan. Walaupun mereka berada di luar daerah Kelantan, contohnya penuntut etnik Arab di Universiti al-Azhar, Mesir yang menginap dan berasimilasi di rumah Kelantan bersama pelajar Kelantan. Juga warga asing yang menetap di Kelantan dan hidup dalam komuniti Kelantan serta berbudaya tempatan.

Ilustrasi dalam Rajah 1 jelas menampakkan maksud jati diri rakyat Kelantan. Benarlah kata pepatah "Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung". Kata pepatah "Bahasa menunjukkan Bangsa" perlu menjadi cerminan rakyat Kelantan kerana Loghat Kelantan adalah pemangkin jati diri rakyat Kelantan

### **Status Kelestarian Loghat Kelantan**

Sebelum membincangkan status kelestarian loghat Kelantan, penulis telah mengamati beberapa penulisan. Penulis ingin merakamkan penghargaan secara khusus kepada penulisan daripada pengkaji loghat Kelantan seperti Datuk Nik Safiah Karim, Wan Abdul Kadir Yusof, Dr. Adi Yasran, Abdul Hamid Mahmood, Ajid Che Kob, Hashim Musa, Rozita Che Rodi dan Suhaimi Mohd Salleh. Buku terbaru Datuk Nik Safiah Karim bersama Rozita Che Rodi (2016) bertajuk "Bahasa Melayu Kelantan: Menggali Ilmu Menyusur Warisan" contohnya amat mengjangkau keseluruhan ilmu loghat Kelantan.

Kelestarian loghat Kelantan dalam kertas ini ditinjau dari sudut jangkauan populasi penuturnya. Satu kajian pernah dijalankan bertajuk "Tinjauan Penggunaan Dialek Melayu Kelantan Sebagai Bahasa Pertuturan dalam Masyarakat Cina di Machang, Kelantan. Dapatannya menghurai penggunaan loghat Kelantan oleh masyarakat bukan Melayu (Cina) Kelantan dari sudut perbezaan sebutan dalam dialek Kelantan dengan bahasa Melayu standard, pembentukan kata dan ayat dalam pertuturan seharian dan melihat unsur leksikal yang terdapat dalam dialek Kelantan. Data ini penting untuk melihat pembinaan jati diri melalui loghat yang terdapat di sesuatu tempat itu dikuasai. Ianya terbina oleh sesebuah masyarakat itu sendiri. Selain bermanfaat bagi kajian lanjutan, ia juga penting dalam menggubal polisi dan tindakan pemeliharaan dan pemuliharaan keunikan penggunaan dialek oleh pihak bertanggungjawab. Berdasarkan observasi masyarakat Cina, Machang, Kelantan dan wawancara tidak formal dengan lebih 50 Informan, hasil kajian adalah sebagaimana kategori berikut:

#### 1. Fonologi:

Penggunaan dialek Kelantan yang dituturkan berlaku proses pengguguran, penambahan dan penggantian bunyi bagi sesuatu perkataan.

##### a. Pengguguran vokal

Berdasarkan data yang diperolehi, didapati bahawa vokal [a] digugurkan dan ditukar menjadi [ɔ]. Pengguguran vokal dapat dilihat dalam Jadual 1 berikut:

JADUAL 1: Pengguguran Vokal

| Perkataan | Sebutan Dialek Kelantan | Perkataan | Sebutan Dialek Kelantan | Perkataan | Sebutan Dialek Kelantan |
|-----------|-------------------------|-----------|-------------------------|-----------|-------------------------|
| Hak       | Hok                     | Anak      | Anok                    | Mak       | Mok                     |
| Jala      | Jalo                    | Awak      | Awok                    | Nak       | Nok                     |
| Kawah     | Kawoh                   | Ayah      | Ayoh                    | Tanah     | Tanoh                   |
| Kera      | Kero                    | baca      | Baco                    | Guna      | Guno                    |
| Kita      | Kito                    | Batu-     | Batu-bato               | haba      | Habo                    |
| Lagak     | Lagok                   | bata      |                         | Tembak    | Tembok                  |
| Laksa     | Lakso                   | Cina      | Cino                    | Teriak    | Teriok                  |
| Lama      | Lamo                    | Dia       | Dio                     | Tolak     | Tolok                   |

##### b. Pengguguran Konsonan

Konsonan [n],[m] dan [r] telah digugurkan apabila perkataan dalam Jadual 2 di bawah:

JADUAL 2: Pengguguran Konsonan

| Perkataan | Sebutan Dialek Kelantan | Perkataan | Sebutan Dialek Kelantan | Perkataan | Sebutan Dialek Kelantan |
|-----------|-------------------------|-----------|-------------------------|-----------|-------------------------|
| Macam     | Mace                    | Makan     | Make                    | lengan    | lenge                   |
| Salam     | Sale                    | Jalan     | Jale                    | Malam     | Male                    |
| selam     | Sele                    | Telan     | tele                    | ayam      | aye                     |
| dalam     | dale                    | Bosan     | bose                    | Kembar    | Kemba                   |
| talam     | tale                    | Bulan     | bule                    | Tikar     | Tika                    |
| masam     | mase                    | Bukan     | buke                    | Pasar     | Pasa                    |
| Bandar    | Banda                   | tangan    | tange                   | Fikir     | Fiki                    |
| Pakar     | Paka                    | Besar     | Besa                    | Pagar     | Paga                    |

c. Penambahan konsonan

Konsonan [g] diletakkan pada awal suku kata apabila leksikal /apa/ disebutkan dan menjadi /gapo/ dalam percakapan masyarakat Kelantan bukan Melayu.

d. Proses penggantian vokal [ɑ] kepada [e]: Apa-/gapɔ/

Proses penggantian vokal [ɑ] kepada [e] dapat dilihat seperti contoh data dapatan dalam Jadual 3 pada akhir suku kata dialek kelantan yang dituturkan digantikan dengan vokal [e]

JADUAL 3: Penggantian Vokal [ɑ] Kepada [e]

| Perkataan | Sebutan Dialek Kelantan | Perkataan | Sebutan Dialek Kelantan |
|-----------|-------------------------|-----------|-------------------------|
| Pinjam    | pinje                   | Memang    | Meme                    |
| pitam     | pite                    | Kelantan  | Klate                   |
| pisang    | pise                    | Orang     | ore                     |
| petang    | pete                    | pegang    | pege                    |
| papan     | pape                    | padan     | pade                    |

2. Diftong

Bunyi diftong ialah bunyi yang memerlukan dua vokal dibaca dengan satu bunyi, seperti:[ai] dalam /balai/,[au] dalam /pulau/ dan [oi] dalam /sepoi/. Antara huruf diftong yang digugurkan oleh masyarakat Cina ialah diftong [au] berubah menjadi [ɔ] seperti yang terdapat dalam leksikal berikut:

3. Pembentukan kata: **Kalau** - /kalɔ/

Terdapat beberapa pembentukan kata yang digunakan dalam loghat Kelantan.

a. Pengguguran suku kata

Pengguguran suku kata kebanyakan berlaku pada suku kata depan perkataan seperti yang terdapat pada perkataan di bawah:

- i. Pengguguran suku kata pertama /e/ di hadapan kata [emak] yang disebut [mok] dalam dialek Kelantan.
- ii. Pengguguran suku kata /h/ di hadapan kata [hamba] yang disebut [ambo] dalam dialek Kelantan.
- iii. Pengguguran suku kata pertama /em/ di hadapan kata dan /t/ ditukar kepada /k/ bagi perkataan [empat] yang disebut [pak],[empuk] yang disebut [puk] dalam dialek Kelantan.
- iv. Pengguguran suku kata pertama /sele/ dan /i/ bagi perkataan [selepas itu] yang disebut [pah tu] dalam dialek Kelantan.
- v. Pengguguran suku kata pertama /per/ pada perkataan [pergi] yang disebut [gi] dalam dialek Kelantan.

- vi. Pengguguran suku pertama /ti/ dan penggantian vokal /a/ dengan vokal /o/ bagi perkataan [tidak] yang disebut [dok] dalam dialek Kelantan.
  - b. Pengguguran Imbuhan akhiran /an/ kepada /ɛ/  
 Terdapat beberapa perkataan yang mengalami pengguguran imbuhan /an/ kepada /ɛ/ dalam dialek kelantan yang dituturkan.
    - i. Berlaku pengguguran imbuhan akhiran /-an/ yang diganti dengan vokal /ɛ/ bagi perkataan seperti [makanan] yang disebut [makane], [pakaian] disebut [pakaie], [tambahan] disebut [tambahe], [kenangan] disebut [kenange]
4. Pembentukan Ayat

Dengan berdasarkan intonasi, iaitu nada suara, pembentukan ayat dalam dialek Kelantan dapat dibahagikan kepada empat jenis iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat seru dan ayat perintah.

a. Ayat Penyata

Dalam dialek Kelantan, ayat penyata ialah ayat yang diucapkan dengan nada yang menurun sebelum kesenyapan akhir. Contoh ayat penyata dapat dilihat dalam ayat:

- i. Ambo gak tane nga jual sayo sokmo (Saya selalu tanam dan jual sayur)
- ii. Ado jugok kade-kade anak ata pitih (Kadang-kadang anak ada hantar juga duit.)
- iii. Kure doh oghe maghi beki sini. (Sudah kurang orang datang baiki di sini).

b. Ayat Tanya

i. Dalam loghat Kelantan, ayat tanya diucapkan dengan nada yang tinggi sebelum kesenyapan akhir. Ayat tanya memakai sama ada kata tanya atau menggunakan intonasi tanya sebelum kesenyapan akhir. Contoh ayat tanya dapat dilihat seperti ayat di bawah:

- ii. Ayat tanya tanpa kata tanya tetapi menggunakan intonasi tanya sebelum kesenyapan akhir.
  - a. Demo bui ko ambo go ni (Awak beri kepada saya benda ini)..
  - b. Mek Ye gi keda sak ni. (Mek Yan pergi ke kedai sebentar tadi).
  - c. Ah Ha deme lo ni. (Ah Ha demam sekarang).
- iii. Ayat tanya mengguna partikal tanya kah.
  - a. Budok tino tu ko anak Chu Eng. (Budak perempuan itukah anak Chu Eng?).
  - b. Anak kito sajo ko hak tak sir gi skolah (Anak kita sahajakah yang tidak mahu pergi sekolah?).
  - c. Maghi doh ko puok-puok dikke barak (Sudah datangkah kumpulan dikir barat?).

c. Ayat Seru

Ayat seru diucapkan menggunakan intonasi seru dengan nada yang menurun sebelum kesenyapan akhir dan mempunyai tekanan yang lebih pada kata yang hendak ditegaskan. Intonasi seru dilambangkan dengan tanda seru: !. Lihat contoh ayat seru di bawah:

- i. Ayat seru sedih
  - a. /wah, make sedak kita ari ni!/ (Wah, makan sedap kita hari ini!)
  - b. /we , comelnyo baju mu!/ (Wah, cantiknya baju awak!)
  - c. /we lo adek aku kelik (Wah, adik aku balik!)
- ii. Ayat seru sedih
  - a. /ya Tuhaku bak po la jadi gini!/ (Ya Tuhanku kenapalah jadi begini!)
- iii. Ayat seru marah
  - a. /Cih, menate jahat!/? (Cis, binatang jahat!)
  - b. /Cih, bengon sungguh budok tu! (Cis, bengong sungguh budak itu!)

- iv. Ayat seru sakit
    - a. /adoh, sakitnyo palo! (Aduh, sakitnya kepala)
  - v. Ayat seru terperanjat
    - a. /o, bak po gitu! (Oh, kenapa begitu!)
    - b. /ha, dio tak dok doh! (Hah, dia sudah tiada!)
- d. Ayat Perintah
- Ayat perintah digunakan dengan intonasi perintah dan nada yang menurun sebelum kesenyapan akhir serta mempunyai tekanan yang lebih pada kata kerja yang hendak ditegaskan.
- i. Ayat Suruhan
    - a. Demo la gi keda nyo. (Awaklah yang pergi ke kedai).
    - b. Dok situ lah nyo. (Duduk di situ).
  - ii. Ayat Larangan
    - a. Bo lah dok main bolanya. Gi mandi nu. (Dahlah tu main bola. Pergi mandi sekarang).
    - b. Mu jange make beledo ni. (Kamu jangan makan agar-agar ni).
  - iii. Ayat Silaan
    - a. Maghi dok sini. (Marilah duduk di sini).
    - b. Make la buah mok te ni. (Jemputlah makan buah rambutan ini).
  - iv. Ayat Ajakan
    - a. Maghi kito kelik (Mari kita balik).
    - b. Maghi dok sini. Kito pakat make jeput pise ni.  
(Mari duduk di sini. Kita makan cekodok pisang ramai-ramai).
  - v. Leksikal
 

Terdapat beberapa perkataan dalam loghat Kelantan yang digunakan oleh masyarakat ini apabila mereka bertutur dengan rakan-rakan atau kawan sekampung. Perkataan-perkataan tersebut berbeza sedikit dengan bahasa Melayu.

    - a. Kata-kata yang ada dalam dialek Kelantan tetapi tidak ada dalam bahasa Melayu seperti yang terdapat dalam Jadual 4.

JADUAL 4: Perkataan Loghat Kelantan Tetapi Tidak ada dalam Bahasa Melayu

| Dialek Kelantan | Bahasa Melayu | Dialek Kelantan | Bahasa Melayu |
|-----------------|---------------|-----------------|---------------|
| Puye            | Musim         | Tok sir         | Tidak mahu    |
| Sekun           | Sesuai        | Kecek           | Bercakap      |
| Sengoti         | Betul         | Sokmo           | Selalu        |
| Keleh           | Tengok        | Ghoyak          | Beritahu      |
| Hungga          | Lari          | Demo            | Awak          |

- ii. Kata-kata yang terdiri daripada satu suku kata yang ada dalam dialek Kelantan tetapi tidak ada dalam bahasa Melayu seperti Jadual 5.

JADUAL 5: Kata-kata yang Terdiri Daripada Satu Suku Kata

| Dialek Kelantan | Bahasa Melayu | Dialek Kelantan | Bahasa Melayu |
|-----------------|---------------|-----------------|---------------|
| So              | Satu          | Bo              | Cukup         |
| Nu              | Sana          | Te              | Pukul         |
| Ndo             | Buaian        | Lo              | Sekarang      |
| Ngga            | Bodoh         | Cok             | Cangkul       |
| Nyek            | Pijak/lanyak  | Lit             | Elak          |

Keseluruhannya menjelaskan loghat Kelantan menjadi pemangkin jati diri rakyat Cina Kelantan. Betapa tiada bezanya loghat yang digunakan oleh pelbagai etnik di Kelantan.

Kajian seterusnya berkaitan “Kesantunan bahasa mengambilkira penggunaan sebutan dan keunikan ekspresi masyarakat Kelantan”. Dapatan dilakukan di ‘kedai-kedai merpati’ sekitar Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Puteh, Machang, Kuala Krai secara wawancara tidak formal dan observasi juga. Kami memulakan perbualan dengan kata ganti nama "pok cik", "abe", "mok cik", "kak", "mok ku", "kak we" bagi memudahkan perbualan dan kesantunan berbahasa. Ternyata data dapat dikumpulkan dengan baik. Jadual 6.0 berikut adalah kata gantinama diri yang santun dalam penuturan harian loghat Kelantan:

JADUAL 6: Peribahasa Peribadi yang Digunakan Secara Sopan dalam Masyarakat Kelantan

| Kata ganti nama diri | Loghat Kelantan          | Kata ganti nama diri | Loghat Kelantan                  |
|----------------------|--------------------------|----------------------|----------------------------------|
| Saya/ Hamba          | Ambo                     | Kakak                | Kak cik, Kak nik, Kak we         |
| Awak                 | Demo                     | Abang                | Abe                              |
| Saya/Orang           | ambo/oghe                | Saudari/perempuan    | Mek                              |
| Kami                 | Kami                     | Saudara/lelaki       | Awe                              |
| Mereka               | Demo                     | Pak cik              | Pok cik, pok nik, pok we, pok ku |
| Kamu                 | Mu                       | Mak cik              | Mok cik, mok nik, mok we, mok ku |
| Aku                  | Kawe                     |                      |                                  |
| Emak                 | Mok /Mek/Cik/We /Nik /Ku | Datuk                | Pok wo, tok, tok cik, chek       |
| Ayah                 | Ayoh /Cik/We/ Nik /Ku    | Nenek                | Mok wo, tok mek, tok chek        |

Penggunaan kata ganti peribadi dan perkataan penamaan yang sesuai menimbulkan rasa hormat antara penceramah dan pendengar, tanpa mengira usia dan status sosial mereka. Penggunaan kata ganti peribadi dan penamaan yang sesuai seperti "pok cik", "mok cik" "kagum" dan "mek" menonjolkan unsur-unsur budaya yang ditanamkan dalam kalangan masyarakat Melayu di Kelantan. Begitu juga, penggunaan kata ganti peribadi dalam keluarga seperti "ambo", "demo", "oghe" menunjukkan umur dan status sosial penceramah, sementara "mu" dan "saya" menunjukkan keadaan tidak formal, bentuk kedekatan dan status daripada penceramah.

Terdapat juga ungkapan unik dan berbeza yang digunakan beberapa daerah di Kelantan sebagaimana Jadual 7.

JADUAL 7: Perbandingan Ungkapan Mengikut Daerah

| Daerah/<br>Ungkapan<br>Melayu<br>standard | Kota Bharu     | Pasir Mas          | Pasir Puteh        | Machang                    | Kuala Krai           | Bachok          |
|---|----------------|--------------------|--------------------|----------------------------|----------------------|-----------------|
| <b>Ya</b>                                 | He/we          | He/we              | Ya/he              | Ya                         | Ya                   | Yo              |
| <b>Lagu mana</b>                          | Lagu mano      | Guana/lagu<br>mano | Guano/lagu<br>mano | Gano/lagu<br>mano          | Guana/lag<br>u mano  | Guano           |
| <b>Apa</b>                                | Gapo           | Gapo               | Gapo               | henama /<br>penama<br>rima | Henama/<br>Gapo nama | Genamo/<br>Gapo |
| <b>Silakan</b>                            | Sleke          | Sleke/sila         | Sleke/sila         | Sila                       | Sila                 | Silo            |
| <b>Endah</b>                              | Hira/<br>Cakna | Hira/<br>Cakna     | Hira               | Hira/<br>cakna             | Cakna                | Cagho           |
| <b>Tidak tahu</b>                         | Weksa          | Peksa              | Peksa              | Peksa/<br>Tak ahu          | Tak ahu/<br>tahu     | Tok ahu         |
| <b>Sial</b>                               | Sial/majal     | Sial/majal         | Sial/majal         | Genaing/<br>majal          | Majal                | Maja            |



|                           |                     |                     |         |                     |                   |                  |
|---------------------------|---------------------|---------------------|---------|---------------------|-------------------|------------------|
| <b>Panggil</b>            | Kelo                | Kelo/panggil        | Panggil | Panggil             | Panggil/<br>Laung | Kelo/pang<br>gil |
| <b>Sungguh</b>            | Sengoti             | Sengoti             | Sengoti | Sengoti             | Sengoti           | Sungguh          |
| <b>Perasaan<br/>marah</b> | Nok maroh           | Nak maroh           | Du'wa   | Du'wa               | Du'wa             | Du'wa/ wa        |
| <b>Sengaja</b>            | Sengeling/p<br>isoh | Sengeling/<br>pisoh | Pisoh   | sengeling/<br>pisoh | Pisoh             | Pisoh            |

Amat menarik sekali apabila wujudnya kesantunan berbahasa dalam kata ganti peribadi serta loghat yang berbeza di antara daerah yang berlainan. Melayu Kelantan telah lama diakulturasikan dengan kesopanan dalam ucapan dan tindakan. Justeru, demi kelangsungan identiti jati diri bangsa Melayu, semua lapisan masyarakat mesti terus menerus menggunakan loghat yang selayaknya ini dalam kehidupan seharian. Kajian lanjutan perlu dilakukan demi manfaat warisan bangsa. Program-program peningkatan pengetahuan aset warisan ini perlu berkesinambungan.

## Isu Pemerkaannya Bagi Agenda Melonjakkan Loghat Kelantan

### *Kemerosotan Populasi Penuturan Loghat Kelantan*

Pemeliharaan loghat berbahasa dalam kalangan penutur perlu dititikberatkan kerana ia boleh diancam kepupusan (Collin, 1995). Perkara ini telah terjadi di Nigeria di mana Bahasa Oko telah pupus (Nicholas, 2008). Di Malaysia, keadaan sedemikian masih belum terjadi, namun jika penuturnya sudah leka dengan bahasa lain tidak mustahil kalau ia satu hari hanya tinggal sejarah dan kenangan.

Sebelum ini, penulis pernah mengukur tahap pengamalan berkomunikasi remaja 1Malaysia. Dapatan menunjukkan bahasa melayu standard tidak menjadi keutamaan, sebaliknya bahasa pasar dan slanga serta dialek tempatan yang diutamakan. Apa yang membimbangkan dapatan juga menampakkan budaya berkomunikasi dengan menggunakan bahasa slanga bersama rakan sebaya, manakala bahasa rojak dan bahasa pasar dalam masyarakat menenggelamkan penuturan loghat kenegerian itu sendiri (Azuki, 2014). Terdapat banyak perkataan dalam loghat Kelantan yang sudah tidak difahami oleh generasi kini. Antaranya *Boo* (lampu), *sela'belah* (meremah-remehkan), *pua'* (memasukkan makanan), *mugheh* (marah) dan lain lagi, termasuk nama-nama sesuatu.

Abad ke-21 merupakan abad yang mencabar kesinambungan, kewujudan, dan kegemilangan sesebuah peradaban bangsa-bangsa di dunia. Asakan gelombang globalisasi, liberalisasi dan pengaruh pascamodernisme sering kali dikaitkan dengan kukuh atau lupusnya sesuatu bahasa, tradisi persuratan, dan budayanya. Pada abad ini, diramalkan 10 peratus bahasa akan mengalami kepupusannya. Dunia memiliki kira-kira 6000 bahasa sejak awalnya, kini tinggal 600 bahasa sahaja (Azuki, 2012). Apakah loghat Kelantan akan menerima nasib yang sama, mengalami kepupusan atau istilah lainnya hilang identiti dan jati diri.

Negara industri seperti Jepun, Korea, Perancis dan Jerman membangun dengan pesat berdasarkan keupayaan bahasa mereka sendiri sebagai bahasa ilmu yang ulung. Mereka mempertahankan kewibawaan bahasa mereka sendiri dan menjadikannya, bahasa kepustakaan ilmu, sains dan teknologi. Justeru berbangga dengan loghat sendiri melambangkan jati diri yang kuat.

Berdasarkan pengamatan dan perbualan tidak lansung, terdapat beberapa faktor yang menyumbang ke arah kemerosotan penggunaan dan penuturan loghat Kelantan pada masa kini. Antaranya ialah:

1. Penggunaan bahasa rojak. Keadaan ini semakin meruncing dalam kalangan masyarakat kini. Penggunaan bahasa yang bercampur-campur ini menyebabkan loghat asal semakin hari semakin hilang identiti kebahasaannya. Bahasa pasar yang tidak ada kesantunan diungkap di corong Radio saban waktu. Pernah penulis mendengar seorang juruhebah menggunakan perkataan yang amat biadap kepada pendengarnya. Secara selamba beliau berkata “ Tak reti-reti lagi”. Malah ramai dalam kalangan Juruhebah stesen Radio dan Televisyen swasta membahaskan diri mereka “aku” dan tanpa segan silu memanggil pendengar sebagai “engkau”.
2. Penggunaan Sistem Pesanan Ringkas (SMS) juga dikatakan merosakkan loghat apabila simbol, kod dan perkataan singkatan tertentu secara meluas. Dalam semua bahasa dan loghat yang ada di dunia ini, ada bahasa tinggi dan kesantunan loghat, bahasa basahan atau percakapan seharian. Masalahnya, masyarakat selalu tidak peka terhadap wujudnya sistem berbahasa hingga berlaku kejadian mencampuradukkannya sehingga wujud kesalahan penggunaannya.
3. Fenomena masyarakat yang gemar menggunakan Bahasa dan loghat lain. Lebih menyedihkan lagi ada segelintir rakyat kelantan yang suka menggunakan Bahasa dan loghat lain tidak kena pada tempatnya, terutama apabila bercakap sesama penutur Kelantan. Penutur jati seolah-olah berat mulut untuk berkomunikasi dalam loghat sendiri dan hilang kecintaan terhadap loghat mereka.
4. Kebiasaan penuturan bahasa melayu standard dalam urusan kerja. Keadaan ini tidak dilihat salah, namun secara formalnya ia mempengaruhi perbualan harian bersama keluarga dan rakan terdekat.
5. Kemerostan penggunaan dan penuturan loghat Kelantan juga disebabkan oleh kepesatan pembangunan negara dari segi ekonomi dan juga pengaruh media massa. Namun, kedua-dua faktor ini bukanlah penyumbang utama. Secara umumnya penulis mendapati usaha untuk mempromosi loghat Kelantan kepada penutur telah lama dilaksanakan namun ketiadaan momentum yang cukup kuat bagi meluncur lajunya ke tahap yang lebih tinggi.

Penulis turut membuat pemantauan terhadap penutur asing yang berjinak untuk mempelajari dan bertutur loghat Kelantan. Sebagai penutur loghat Kelantan, beberapa perkara diperhatikan sebagai cabaran dalam membiasakan loghat Kelantan kepada penutur asing. Antaranya ialah;

1. Ketidakbolehan dari segi sebutan.
2. Kemusykilan memahami pengandaan dan juga pengimbuhan.
3. Pembinaan struktur atau pola ayat.
4. Tiada pengetahuan mengenai perkataan unik dalam loghat Kelantan.
5. Kurang tempoh berkomunikasi dan bergaul dengan penutur loghat Kelantan.

### ***Analisis Strategik Kedudukan Loghat Kelantan***

#### **1. Analisis SWOT**

Dengan berpaksikan kepada ilmu pengurusan strategik, penulis mengamati bahawa kedudukan loghat Kelantan boleh dianalisis secara strategik dengan menerapkan kaedah SWOT. Kaedah ini menganalisis kedudukan loghat Kelantan dari sudut dalaman iaitu

kekuatan dan kelemahan manakala dari sudut luarannya pula aspek ancaman dan peluang dapat diperincikan dengan teliti.

|   |  |
|---|--|
| <p><b>Kekuatan-strengths</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ bahasa tradisi turun temurun</li> <li>○ dipertuturkan secara menyeluruh di Kelantan dan sekitarnya.</li> <li>○ ada adat dan budaya Melayu</li> <li>○ polisi di Kelantan membenarkan kegunaannya</li> <li>○ struktur ayat mudah</li> </ul> | <p><b>peluang-opportunities</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Menjadi simbol perpaduan.</li> <li>○ digunakan di Kelantan secara meluas</li> <li>○ bahasa mudah dikuasai dan dipelajari</li> </ul> |
| <p><b>Kelemahan-weaknesses</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ pengajaran tidak meluas</li> <li>○ tiada galakan masyarakat am</li> <li>○ kurang promosi</li> <li>○ gemar bertutur bahasa lain</li> <li>○ banyak perkataan sudah pupus.</li> </ul>  | <p><b>ancaman-threats</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ penggunaan bahasa pasar dan bahasa slanga</li> <li>○ penggunaan trengkas, simbol dalam sms</li> <li>○ bahasa rojak</li> </ul>             |


RAJAH 2: Analisis SWOT

Jika dianalisa kedudukan Loghat Kelantan secara strategik mengikut analisis SWOT; Terdapat beberapa faktor kekuatan mengenai kedudukan loghat Kelantan. Antaranya, loghat Kelantan ialah bahasa Kelantan. Terdapat polisi membenarkan penggunaan Loghat Kelantan di Kelantan. Ia boleh dilihat berdasarkan paparan signboard, iklan dan penjenamaan.

Namun, terdapat beberapa kelemahan yang mempengaruhi kedudukan loghat Kelantan yang perlu diambil kira. Antaranya tiada proses pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung, tiada agensi yang serius mempromosikan dan memperkenalkan loghat Kelantan. Bahkan rakyat Kelantan di luar pun lebih sedia menuturkan bahasa melayu standard.

Seterusnya, terdapat beberapa peluang yang mempengaruhi kedudukan loghat Kelantan. Sekiranya pelbagai usaha dan tindakan diambil oleh pihak tertentu untuk memartabatkan loghat Kelantan, maka pastinya jati diri penutur loghat Kelantan akan lebih berbangga. Tambahan pula loghat Kelantan ialah bahasa komunikasi secara meluas. Seterusnya, loghat Kelantan juga mudah dikuasai dan dipelajari bukan sahaja oleh penutur jati tetapi juga oleh penutur asing. Ini merupakan peluang untuk meningkatkan kedudukan loghat Kelantan.

Terdapat beberapa faktor yang merupakan ancaman terhadap kedudukan loghat Kelantan pada masa kini. Penggunaan bahasa slanga, bahasa pasar dan bahasa rojak contohnya dalam perbualan dan komunikasi maya yang meluas sekiranya tidak diberi perhatian dan dibendung menambahkan lagi ancaman kepada kedudukan loghat Kelantan. Kaedah analisis kedua yang dapat dilakukan ialah dengan melihat kedudukan Loghat Kelantan itu dalam kitaran hayatnya. Loghat Kelantan telah wujud berkurun lamanya sehingga hari ini. Namun yang menyedihkan masyarakat ialah kejatuhannya dari sudut penggunaan dan kesesuaiannya dengan dunia sekarang. Penulis merasa terkilan kerana loghat yang sekian lama dianggap penting di Malaysia sudah hilang taringnya sehinggakan terpaksa dibahaskan begitu rupa.



RAJAH 3: Kedudukan Loghat Kelantan Pada Masa Kini

Rajah 3 menunjukkan kitaran Hidup loghat Kelantan yang bermula dengan pengenalan, pertumbuhan, matang dan penurunan kedudukan pada masa kini. Penulis tidak boleh menyatakan secara tepat apakah benar loghat Kelantan telah menurun, ia perlu dijawab oleh semua pihak yang pakar dalam bidang ini agar dapat diangkat semula menjadi bahasa jati diri rakyat Kelantan yang dibanggakan.

Secara amnya, penulis optimis bahawa Loghat Kelantan boleh dilonjakkan ke tahap yang lebih tinggi jika strategi yang digunakan itu dapat dilaksana dengan jelas, khusus dan secara bersungguh-sungguh oleh semua piseperti hak yang mempunyai kepentingan.

### ***Strategi Meningkatkan Populasi Penutur Loghat Kelantan***


Berdasarkan perbincangan dengan ramai pejuang bahasa, terdapat beberapa strategi yang perlu diberi perhatian untuk meningkatkan kedudukan loghat Kelantan.

1. Pertamanya pihak berkuasa tempatan mesti mengadakan polisi jelas di peringkat negeri Kelantan mempromosikan loghat Kelantan melalui penggunaan papan tanda iklan, notis pemberitahuan, bahan peringatan dan bahan penyiaran.
2. Kepimpinan pelbagai parti politik, ahli perniagaan dan pelbagai institusi perlu disedarkan akan kepentingan pemerksaan loghat Kelantan. Ini kerana mereka adalah perantara kepada masyarakat. Antara institusi yang penulis rasakan berimpak tinggi ialah industri penyiaran dan pelancongan.
3. Ikon masyarakat seperti artis, model, penggiat seni tradisi dan individu berpengaruh perlu diberi tanggungjawab untuk usaha ini. Industri perfileman, penerbitan lagu-lagu loghat Kelantan mesti diterima oleh masyarakat berjati diri Kelantan. Contohnya penulis begitu tertarik dengan carta lagu Pantai Timur dalam siaran Radio Manis FM dan ikon "Wok Yoh, Said dan rakan-rakan". Begitu juga Filem 'Jogho' dan 'Gedebe' yang mengisahkan tradisi kehidupan rakyat Kelantan.
4. Pemerksaan budaya dan kesenian Kelantan perlu seiring dengan usaha ini. Contoh memartabatkan industri hiburan Dikir Barat, Menora, Wayang Kulit dan Mak Yong. Begitu juga cerita-cerita rakyat seperti Pak Pandir, Pok Dogol, Tok Selampit (sebagai penglipur lara) dan lain-lain.
5. Seterusnya mesti dizahirkan melalui tulisan dan perkataan yang menggambarkan situasi dan suasana yang dialami. Contohnya moto Radio Kelantan 'jeligho teraso'. Kaedah ini

pasti menyeronokkan dan dapat menarik minat masyarakat untuk mencintai loghat Kelantan. Dengan hal demikian, loghat Kelantan berperanan sebagai perakuan kejatidirian bangsa Kelantan.

6. Salah satu cara yang boleh digunakan oleh kepimpinan masyarakat Kelantan ialah menggunakan bahan keperluan persekitaran dengan perkataan loghat Kelantan seperti cerano, tepas padi, sakok aye dan nama-nama kuih muih. Pembelajaran berdasarkan bahan sebenar ini boleh meningkatkan penguasaan loghat Kelantan kepada generasi muda.
7. Selain itu, kepimpinan masyarakat perlu dapat bertutur atau sekurang-kurangnya menyelitkan beberapa patah perkataan dari loghat Kelantan dalam ucapan mereka di dalam atau luar Kelantan. Fungsi belajar loghat Kelantan kepada penutur asing ini bergantung kepada keadaan mereka. Sekiranya mereka berminat bergaul dengan komuniti Kelantan, pastinya belajar loghat Kelantan adalah untuk membolehkan kelangsungan hidup dalam komuniti. Loghat Kelantan ialah bahasa komunikasi dengan masyarakat di sekeliling mereka.
8. Mewujudkan pembelajaran formal loghat Kelantan yang boleh menarik minat pelajar untuk menguasai loghat Kelantan sebenar. Pembelajaran loghat Kelantan juga boleh melalui pendedahan dan merasai sendiri pengalaman komunikasi. Mengadakan promosi secara besar-besaran untuk belajar loghat Kelantan di peringkat luar juga merupakan salah satu langkah untuk meningkatkan kedudukan loghat Kelantan. Agensi-agensi yang berkaitan perlulah memainkan peranan untuk mempromosikannya. Penawaran untuk berbahasa loghat Kelantan perlulah diadakan demi menarik minat orang asing menguasai loghat Kelantan.
9. Menawarkan kursus loghat Kelantan di universiti juga merupakan strategi yang dapat meningkatkan kedudukan loghat Kelantan. Memasukkan elemen adat resam dan budaya Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran loghat Kelantan juga merupakan salah satu strategi meningkatkan kedudukan loghat Kelantan. Elemen ini dapat memberi pengetahuan dan menarik minat untuk masyarakat mempelajari loghat Kelantan kerana ada segelintir orang yang minat mengkaji budaya dan adat resam sesuatu bangsa.
10. Satu lagi strategi yang penting adalah dengan mewarwarkan bahagian kedutaan tentang kedudukan dan peranan loghat bagi setiap negeri di Malaysia. Idea ini amat bernas kerana selain penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa, loghat kenegerian juga tidak kurang pentingnya.
11. Strategi berikutnya ialah membuat sisipan loghat berbahasa dalam buku-buku novel dan bahan bacaan ringan bagi kanak-kanak, remaja dan orang dewasa. Terutamanya buku berkaitan kearifan tempatan (*local wisdom*) dalam pelbagai bidang; perniagaan, perubatan, keusahawanan, kesenian, kewartawanan, penyelidikan dan sebagainya. Loghat Kelantan dilihat mampu menjadi bahasa interaktif dan integrasi.

Semua cadangan di atas perlu distrukturkan supaya tindakan berlangsung secara berstrategi. Penulis membawa satu contoh model yang biasa digunakan oleh badan korporat dalam merubah budaya kerja institusi mereka.



RAJAH 4: Model Tindakan Pemerkasaan Loghat Kelantan

Berdasarkan contoh model di atas hanya ada dua (2) langkah yang sentiasa berkesinambungan iaitu kenalpasti budaya yang perlu dimantapkan, seterusnya hanya perlu tindakan berterusan dalam pelbagai keadaan dengan arena yang berbeza, namun matlamat yang sama. Cuma penulis cuba mengikat tanggungjawab usaha ini kepada pihak berkuasa tempatan, samada di bawah kerajaan negeri mahupun institusi yang dikelolakan oleh kerajaan pusat dan badan swasta. Pelbagai kaedah boleh dilakukan, namun apa yang pasti usaha bersepadu perlu mengambilkira tanggungjawab semua pihak.

### KESIMPULAN

Loghat Kelantan sebagai dialek unik, sedap didengar apabila dipertuturkan. Keupayaan dan kefasihan ber'loghat klate' menjadi prasyarat jati diri masyarakat. Loghat Kelantan menjadikan masyarakat ini dihormati dan disegani, juga menjadikan hubungan mereka semakin erat dan mengukuhkan lagi tali silaturahim walau berlainan etnik di Kelantan. Usaha pemerkasaan akan kelestariannya perlu bergerak secara berstrategi disokong oleh semua.

### BIBLIOGRAFI

- Abdul Hamid Mahmood (1994 dan 2006), *Sintaksis Dialek Kelantan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adi Yasran Abdul Aziz, (2005) Inventori Konsonan Dialek Melayu Kelantan; Suatu Penilaian Semula, *Jurnal Pengajian Melayu*, jilid 16.
- Asmah Haji Omar (1992). *The Linguistic Scenery in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan (2007). *Santun Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collin James T. (1995). *Bibliografi Dialek Melayu di Pulau Sumatera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collin James T. (1989) *Antologi Kajian Dialek Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishak Saat (2015) *Radikalisme Melayu Perak 1945-1970*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Baharu, (1984) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Khuzaiton Zakaria “Language Politeness: A review on the usage of pronouns and unique expression of the Malay Society Kelantan”, The 3<sup>rd</sup> International Seminar on Language, Universitas Andalas, August 24 2017.
- Khuzaiton Zakaria, Prof. Dr. Farok Zakaria “Strategi Melonjakkan Bahasa Melayu ke Tahap yang Tinggi”, Universiti Malaysia Kelantan.
- Khuzaiton Zakaria, Farok Zakaria, “Penggunaan Dialek Melayu Kelantan Sebagai Bahasa Pertuturan dalam Masyarakat Cina di Kampung China, Machang, Kelantan : Satu Tinjauan”. Universiti Malaysia Kelantan.
- Nicholas S.(2008). (terjemahan Marlysa Razak). “Menyelamatkan Bahasa Oko”. *Going Places*. November 2008. Malaysia Airlines .Com. Kuala Lumpur: Communications Division, Malaysia Airlines.
- Nik Safiah Karim, Rozita Che Rodi, (2016) *Bahasa Melayu Kelantan: Menggali Ilmu Menyusur Warisan*, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Nik Safiah Karim, *Loghat Melayu Kelantan Suatu Cherakinan Kajibunyi Bahasa*, Penerbit Universiti Malaya.
- Nik Safiah Karim (1985). “Dialek Kelantan- Satu Lambang Sosio-Budaya Wilayahnya”. Dlm. Nik Safiah Karim & Wan Abdul Kadir Yusoff, *Kelantan dalam Perspektif Sosio Budaya*, Kuala Lumpur, Jabatan bahasa Melayu Universiti Malaya.
- Nur Azuki Yusuff dan Yohan Kurniawan , (2012) “1Malaysia = 1Bahasa: Sebuah Mediator Pemersatu Kaum di Malaysia”, Regional Conference on Cross-Culture, Communication and National Integration: Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
- Nur Azuki Yusuff, Siti Bahirah dan Yohan Kurniawan “Keutamaan Penerimaan Bahasa Berkomunikasi Remaja 1Malaysia; Adakah Bahasa Melayu (Tinggi), Bahasa Inggeris Atau Selainnya?” International Conference On Human Sustainability (Insan2014), UTHM, Johor, 10 April 2014.
- Ramlah Adam, “Pendauletan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa ilmu di Malaysia: Sejarah dan Kedudukan Masa Kini”, (2014) profdatinpadukadatkdrmlahadam.blogspot.my/2014.
- Stephane Doyert (Pngr). (2013) *Malaysia-Perancis: Menyelusuri Jati diri*. Kuala Lumpur, Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.

## **Penulis**

Nur Azuki Yusuff ialah Profesor Madya di Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan. Beliau berkepakaran dalam bidang Sains Sosial, Sejarah dan Peradaban, Pengajian Islam dan Sains Kemasyarakatan. Beliau kini adalah Ketua Kluster Penyelidikan Kontemporari Melayu di UMK.

Khuzaiton Zakaria ialah Guru Bahasa Kanan di Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan. Beliau berkepakaran dalam bidang Pengajian Bahasa dan Linguistik Melayu, Perbandingan Bahasa dan komunikasi.